

17 AUG 1998

Hasmah-Filharmonik

DR SITI HASMAH RASMI DEWAN FILHARMONIK PETRONAS

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini merasmikan Dewan Filharmonik Petronas, dewan konsert bertaraf dunia yang pertama di negara ini, di Menara Berkembar Petronas di sini.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para Menteri Kabinet dan Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Dalam ucapannya, Dr Siti Hasmah berkata pembukaan rasmi dewan itu menandakan satu lagi impian Malaysia menjadi kenyataan.

"Perasmiannya ialah hasil daripada usaha yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia selama ini ke arah memperkaya dan memperkembangkan seni muzik di negara ini," kata beliau.

Dr Siti Hasmah berkata perasmian dewan itu dan penubuhan Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) membuka peluang kepada rakyat Malaysia dan pencinta muzik untuk menyaksikan secara langsung persembahan muzik klasikal yang terbaik.

Detik yang ditunggu-tunggu ini di samping usaha oleh orkestra-orkestra antarabangsa dan persembahan oleh Kumpulan Kesenian Petronas akan membantu Malaysia memainkan peranan dalam dunia muzik dan seni, kata beliau.

Beliau berkata dewan berkenaan menyediakan kemudahan yang dinanti-nantikan selama ini sambil berkata penubuhan MPO memenuhi keperluan bagi menikmati muzik dan pendidikan muzik.

"MPO akan mengendalikan kelas master, bengkel dan aktiviti muzik yang lain untuk membantu ahli muzik mencapai kecemerlangan," kata beliau.

Dr Siti Hasmah berkata menjadi harapan kita bahawa inisiatif ini akan membuka jalan bagi penubuhan akademi muzik bagi mempertingkatkan kemahiran kepakaran dan pengetahuan mengenai muzik ke tahap profesional.

Dr Siti Hasmah dan Dr Mahathir kemudian menyaksikan konsert gala klasikal yang dipersembahkan oleh MPO. Konsert itu ialah pimpinan Pengarah Muziknya Kees Bakels.

Lebih 800 orang menyaksikan pertunjukan konsert itu.

Yang menarik mengenai Dewan Filharmonik Petronas itu ialah silingnya boleh diubahsuai mengikut kesesuaian yang dikehendaki oleh orkestra.

-- BERNAMA

NY FAZ